

Najib sudah serahkan permohonan WP

Bahan asal dari Arkib

Oleh ROSLI SAFAR

Negara Malaysia

PERMOHONAN Wilayah Persekutuan (PLBWP) untuk kembali bergabung dengan Persekutuan Kebangsaan Lumba Basikal Malaysia (PKLBM), sudah diserahkan kepada persekutuan itu, kelmarin.

Menteri Belia dan Sukan, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata beliau sendiri menyerahkan surat permohonan PKLBWP itu kepada Presiden PKLBM, Datuk Darshan Singh.

Bagaimanapun, Datuk Darshan, kelmarin berkata beliau masih belum menerima apa juga permohonan sama ada daripada PLBWP atau PLBK.

"Permohonan daripada Persatuan Lumba Basikal Kelantan (PLBK) akan saya susul kemudian, sebaik saja diterima," katanya ketika ditemui selepas merasmikan Gimnasium Rakyat, di Bangunan Majlis Sukan Jajahan Machang, Kelantan, semalam.

Datuk Seri Najib berkata, beliau masih berpegang kepada janji

PKLBM ketika mengadakan perjumpaan pada 14 Februari, yang menyatakan kesediaannya (PKLBM) menerima kembali dua persatuan itu bergabung.

"Saya tidak tahu wujud komplot berkomplot. Bagi saya yang pasti, kedua-dua persatuan itu sudah bersetuju kembali bergabung dengan PKLBM, demi kebaikan dan pembangunan sukan negara," ujarnya.

PLBWP dan PLBK digugur keanggotaan sebagai ahli gabungan PKLBM, pada 28 September tahun lalu kerana gagal menjelaskan yuran gabungan berjumlah \$50 itu.

Datuk Seri Najib sendiri pernah berkata segala keputusan yang dicapai pada 14 Februari lalu, harus dihormati.

Sembilan pelumba Wilayah Persekutuan bersedia kembali berlatih sebagai persiapan ke Sukan SEA selepas memulaukan latihan di Ipoh, dipercayai kerana percaya PLBWP akan diterima bergabung semula.